SENGKANG GREEN
Primary School

Mother Tongue Languages Department

Primary 3
Parent Engagement Session 2020

Guru-guru Darjah 3

Nama Guru	Kelas	Alamat E-mel
Dira Murshida Darwin	3ML1	dira_murshida_darwin@moe.edu.sg
Rozana Zainuri	3ML2	rozana_zainuri@moe.edu.sg

Faedah Kedwibahasaan

Kedwibahasaan mampu pertingkat daya saing pada peringkat global

Apr 23, 2018 | 05:30 AM

SHAHIDA SARHID

0 Kongsi

Faedah Kedwibahasaan

Ong Ye Kung: Kedwibahasaan semakin meningkat

Sep 01, 2018 | 02:00 PM

Kongsi

Menteri Pendidikan Ong Ye Kung menekankan peri penting menggunakan bahasa ibunda dan bahasa Inggeris, dalam ucapannya di majlis pelancaran Bulan Bahasa 2018 di Wisma Geylang Serai pada 1 September. NUR ADILAH MAHBOB

LEBIH ramai keluarga menggunakan kedua-dua bahasa ibunda dan bahasa Inggeris di rumah, meskipun bahasa Inggeris semakin menjadi bahasa utama, kata Menteri Pendidikan Ong Ye Kung.

Satu tinjauan Kementerian Pendidikan (MOE) ke atas murid darjah satu baru-baru ini menunjukkan bilangan keluarga yang menggunakan kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa ibunda di rumah meningkat daripada 83 peratus pada 1997 kepada 90 peratus pada 2017.

Faedah Kedwibahasaan



Faedah Kedwibahasaan

Research shows that **bilingual people** have an easier time with these key brain functions:



Mental Health

A multilingual brain is quicker, nimbler and more resistant to Alzheimer's and other forms of dementia.

Academic Performance

Students in dual language programs consistently outperform monolingual peers on state-mandated tests, regardless of demographic.

Preparation for the Future

Bilingual adults have several advantages over monolingual adults, including higher average salaries and greater career opportunities.

Language in the Brain

Research also shows that the brains of bilingual people are more developed in areas that organize and process speech.

Pelajar Aktif, Pengguna Cekap



6 Kemahiran Bahasa



Rajah 4: Model Kemahiran Teras Bahasa

Pembelajaran Harian (Bahan Utama)

Pembelajaran Harian:



Buku Teks



Buku Aktiviti

Buku Kecil

Pembelajaran Harian (Bahan Tambahan)





Booklet Bahasa

- Latihan pengukuhan berdasarkan komponen tatabahasa dalam Buku Teks

Booklet Kefahaman

- Latihan kefahaman (Kefahaman Objektif & Kefahaman Subjektif)

Pembelajaran Harian (Bahan Tambahan)

SEKOLAH RENDAH SENGKANG GREEN
AKTIVITI BACAAN 2019

Nama: _____

Kelas: _____

WATAK

Arahan: Lukiskan watak kegemaran kamu di dalam ruang yang disediakan.

Tajuk Buku



Saya gemar dengan watak ini

kerana _____

_____

_____

_____

TENTANG APA?

Arahan: *Tuliskan ramalan kamu mengenai buku cerita yang akan kamu baca.*

Tajuk Buku

Berdasarkan tajuk buku, mungkin ceritanya mengenai _____

_____

_____

_____

_____

Pembelajaran Dalam Talian

Portal eCekap

Portal iMTL



Portal SLS

Aktiviti Tambahan

- Dwiminggu Bahasa Ibunda / Pesta Bahasa
- Sambutan Hari Raya
- Hari Keharmonian Kaum
- Program MTSP

MTSP – Program Sokongan Bahasa Ibunda

- Untuk menyokong pembelajaran BM bagi murid-murid P3 & P4 yang lemah.
- Saiz kelas yang lebih kecil – dijalankan pada waktu kurikulum atau selepas sekolah.
- Fokus kepada membina asas dalam kemahiran lisan dan literasi.
- Diajar oleh guru-guru BM yang sudah dilatih.

MTSP – Program Sokongan Bahasa Ibunda

Dalam program ini, murid akan:

- Mendapat perhatian sepenuhnya daripada guru
- Belajar dalam persekitaran yang saling menyokong satu sama lain.
- Mendapat bahan pelajaran tambahan.

MTSP –
Program Sokongan Bahasa Ibunda

Peranan ibu bapa:

- Percaya dengan kebolehan anak anda.
- Menggalak anak anda pada setiap masa.
- Menyediakan persekitaran pembelajaran yang selesa di rumah.
- Memuji anak anda sekiranya dia dapat melakukan sesuatu.
- Berkomunikasi dengan guru di sekolah tentang pencapaian anak anda.

Format Peperiksaan

DARJAH 3				
Kertas	**Kandungan**	**Markah**	**Pertimbangan**	**Jangka Masa**
1	Karangan berdasarkan gambar	15	15%	40 minit
2	Penggunaan Bahasa dan Kefahaman	45	45%	1 jam
3	Kefahaman Mendengar	10	10%	20 minit
4	Lisan	30	30%	10 minit
JUMLAH PENUH		100	100%	

Kertas 1: Karangan berdasarkan gambar

- Gambar empat bersiri.
- Sekurang-kurangnya 60 patah perkataan.
- Diberikan kata bantu.

Kertas 2: Bahasa & Kefahaman

Imbuhan

A ... yang sesuai bagi melengkapkan setiap soalan yang berikut. Kemudian, tulis angka jawapan kamu di dalam kurungan ( ) yang disediakan.

1. " _____ pinggan-pinggan yang kotor ini," arah Cik Rani kepada pembantu rumahnya.

1. Cucian
2. Cucikan
3. Mencuci ( )

2. Kucing itu cedera kerana _____ oleh budak-budak nakal itu.

1. dipukul
2. terpukul
3. memukul ( )

3. Rahim menggunakan wang sakunya untuk _____ buku cerita kegemarannya.

1. terbeli
2. pembeli
3. membeli ( )

4. Borhan _____ lukisan itu dengan krayon yang baru dibeli oleh ibunya.

1. pewarna
2. diwarnakan
3. mewarnakan ( )

5. Cerita popular itu _____ oleh seorang pencerita kanak-kanak dari Malaysia.

1. dibacakan
2. pembacaan
3. membacakan ( )

Markah yang diperoleh	

Peribahasa

... pada senarai di bawah ini bagi ... kosong. Tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

besar hati	cari jalan
hidung tinggi	keras kepala
kecil hati	lurus akal

6. Ibu Salha selalu menasihati anaknya supaya jangan bersikap **sombong** bila sudah berjaya pada masa hadapan.

(_____)

7. Encik Marican seorang peniaga yang **jujur** kerana dia tidak pernah menipu pelanggannya .

(_____)

8. Cikgu Dahlan sering mengingatkan murid-muridnya yang **degil** untuk mengubah kelakuan mereka di dalam kelas.

(_____)

9. Zaidah **tersinggung** kerana tidak dijemput oleh kawannya ke majlis hari lahir yang diadakan minggu lalu.

(_____)

Markah yang diperoleh	

Golongan Kata

Bahagian ... di bawah ini bagi ... itu di tempat kosong yang

baharu	besar
dihias	ke
lori	untuk

Maya dan keluarganya baru berpindah ke Sengkang pada bulan lalu. Ayahnya membeli sebuah flat **(10)** _____ di sana. Hari itu mereka bangun awal **(11)** _____ mengangkat kotak-kotak berisi barang. Ayah Maya menyewa sebuah **(12)** _____ untuk membawa barang-barang itu ke rumah mereka di Sengkang.

Bilik Maya akan dicat dengan warna merah jambu iaitu warna kegemarannya. Biliknya juga akan **(13)** _____ dengan cantik mengikut tema yang dipilih Maya. Rumah itu juga lebih **(14)** _____ dan menarik. Maya suka berpindah ke sana kerana rumah itu berdekatan dengan sekolahnya. Mereka sekeluarga berasa seronok berpindah rumah.

Markah yang diperoleh	

Kertas 2: Bahasa & Kefahaman

Kefahaman Objektif

h)

an teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang

Mariah murid darjah empat. Dia ada seorang adik berusia lapan tahun. Namanya Aminah. Mereka tidak ada adik-beradik lain. Oleh itu, Mariah dan Aminah selalu bermain dan belajar bersama-sama. Hubungan mereka adik-beradik sungguh rapat.

Setiap hari, selepas sekolah, mereka akan menunggu ibu mereka, Puan Sharifah, datang untuk membawa mereka pulang. Kadang kala, mereka akan singgah di sebuah kedai runcit. Mariah membeli gula-gula. Aminah pula suka membeli aiskrim perisa strawberi. Namun, pada petang itu, ibu mereka tidak kelihatan. Mereka mula berasa **letih** kerana telah menunggu selama setengah jam. Mariah mula berasa risau. Aminah berkali-kali bertanya kepada kakaknya tentang ibu mereka.

Akhirnya, ibu mereka tiba dengan keadaan tergesa-gesa. Puan Sharifah kelihatan berpeluh-peluh. Barulah Mariah tahu yang ibu mereka terlambat kerana leka memasak lauk kegemaran mereka. Puan Sharifah memeluk Mariah dan Aminah dengan erat. Mereka berasa gembira apabila mendengar ibu mereka telah memasak lauk kegemaran mereka iaitu kari ayam. Mariah dan Aminah memimpin tangan ibu mereka dengan erat dan berjalan pulang ke rumah.

15. Aminah ialah _____.

1. ibu mereka
2. adik Mariah
3. kakak Sharifah ( )

16. Mariah dan Aminah sering _____.

1. berasa letih
2. bermain bersama-sama
3. belajar selama setengah jam

( )

17. Selepas sekolah, mereka _____.

1. pulang dengan tergesa-gesa
2. menunggu ibu mereka datang
3. mesti pergi ke sebuah kedai runcit

( )

18. Ibu mereka terlambat kerana _____.

1. leka memasak lauk kegemaran mereka
2. berasa letih memasak lauk kegemaran mereka
3. sedang belajar memasak lauk kegemaran mereka

( )

Markah yang diperoleh	

Kertas 2: Bahasa & Kefahaman

Kefahaman Subjektif

9 markah)

dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang

Cuaca pada petang itu sungguh terik. Murid-murid di perhentian bas tidak berasa selesa kerana kepanasan kecuali Sufian. Dia sedang berfikir tentang kejadian yang berlaku di sekolah pagi tadi. Kejadian itu asyik main di fikirannya. Sufian ialah seorang murid yang aktif. Dia suka kegiatan lasak.

Semasa waktu rehat, Sufian terlanggar seorang murid semasa dia berlari di kantin. Sufian sedang berlari ke arah padang sekolah. Setiap hari pada waktu rehat, dia akan bermain bola sepak bersama kawan-kawan sekelasnya. Murid itu sedang membawa semangkuk mi soto. Akibatnya, mangkuk itu terlepas dari tangannya lalu terjatuh ke lantai. Murid darjah dua itu menangis teresak-esak. Sufian terkejut dan tidak tahu apa yang harus dia lakukan seterusnya. Dia meminta maaf dengan segera.

Seorang guru, Cikgu Said, yang sedang beratur untuk membeli makanan mendekati mereka untuk membantunya. Dia memarahi Sufian kerana tidak mematuhi peraturan di kantin. Semenjak hari itu, dia tidak berlari di kantin lagi. Sufian sedar yang perbuatannya boleh membahayakan orang lain di sekelilingnya.

19. Di manakah Sufian berada pada petang itu?

_____

_____

20. Apakah yang berlaku semasa Sufian berlari di kantin?

_____

_____

Markah yang diperoleh	

21. Mengapakah murid itu menangis teresak-esak?

_____

_____

22. Bagaimanakah kejadian pada hari itu mengubah Sufian?

_____

_____

23. Satu perkataan dalam petikan yang membawa maksud **segala yang telah ditentukan dan mesti diturut** ialah _____.

SELESAI

Markah yang diperoleh	

Kertas 4: Lisan



Tips untuk Para Pelajar

Tips Belajar Bahasa Melayu

Rajin membaca buku Bahasa Melayu.

Lebih banyak membaca,
Lebih banyak kosa kata,
Lebih baik penulisan kita.

Tips untuk Para Pelajar

Tips Belajar Bahasa Melayu

Sentiasa dengar, tonton, nyanyi dalam Bahasa Melayu.

Bahan Bacaan

Bahan Bacaan

Sokongan Ibu Bapa

- Dedahkan anak anda kepada Bahasa Melayu.
  - Dengar rancangan di stesen radio

WARNA 94.2 fm

RIA 89.7 FM

Dengar pengumuman, iklan, cerita dll di radio.

Sokongan Ibu Bapa

- Dedahkan anak anda kepada Bahasa Melayu.
  - Tonton berita, drama atau filem Melayu.
  - Galakkan anak anda membaca buku dan akhbar Melayu

BeritaHarian
BeritaMinggu

Sokongan Ibu Bapa

- Dedahkan anak anda kepada Bahasa Melayu.
  - Bertutur dalam Bahasa Melayu.

Sokongan Ibu Bapa

Sokongan Ibu Bapa

TINTA ialah singkatan bagi **T**imba **I**lmu secara i**NT**eraktif dan **A**ktif. Lelaman ini memberi akses kepada pelbagai bahan pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu yang terkumpul di bawah satu bumbung. Para pelajar diharap dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bahasa secara aktif dan kendiri melalui bahan-bahan interaktif dalam talian yang disediakan.

Dalam rangkaian **TINTA** termasuklah lelaman-lelaman dan bahagian-bahagian berikut:

- Lelaman MEKAR DalamTalian yang menempatkan bahan-bahan audio, video dan interaktif bagi pakej MEKAR.
- Lelaman NADI bercorak e-majalah yang menampilkan pelbagai artikel serta bahan interaktif untuk menambah pengetahuan umum, bahasa dan budaya.
- Nota bahasa sebagai rujukan bagi kemusykilan dan pertanyaan tentang bahasa.
- Latihan interaktif yang pelbagai memberi peluang kepada para pelajar mengasah kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis serta penggunaan bahasa. Latihan interaktif biasanya mengandungi panduan dan dapat disemak secara dalam talian.
- Permainan Bahasa yang membolehkan para pelajar menguji kemahiran dan pengetahuan bahasa sambil berhibur.
- Pautan pada lain-lain lelaman bercorak pendidikan juga turut disediakan.

Mulakan pelayaran menimba ilmu bersama TINTA. Klik pada menu untuk mengakses bahagian yang diingini.

tinta.moe.edu.sg

Sokongan Ibu Bapa

- Muat turun aplikasi yang dicipta oleh MLCS.

Legenda Singapura

Cerita-cerita Rakyat Nusantara

Pintar Peribahasa

Pintar Kata

TERIMA KASIH